



MAKMAL KESIHATAN AWAM KEBANGSAAN



**PELAN STRATEGIK TRANSFORMASI PERKHIDMATAN
MAKMAL KESIHATAN AWAM 2018-2022
KE ARAH PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN MAKMAL YANG BERDAYA SAING
DAN CEMERLANG
MAKMAL KESIHATAN AWAM KEBANGSAAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**HAKCIPTA TERPERLIHARA @ MAKMAL KESIHATAN AWAM KEBANGSAAN
2018**



**PELAN STRATEGIK TRANSFORMASI PERKHIDMATAN
MAKMAL KESIHATAN AWAM 2018-2022
KE ARAH PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN MAKMAL YANG BERDAYA SAING
DAN CEMERLANG**

**MAKMAL KESIHATAN AWAM KEBANGSAAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

DIBANGUNKAN DENGAN KERJASAMA

**BAHAGIAN PERUNDINGAN PENGURUSAN 1
UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN
MALAYSIA**

JABATAN PERDANA MENTERI Mac 2018



© Hak Cipta Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan, Kementerian Kesihatan Malaysia, 2018

National Library of Malaysia Cataloguing-in-Publication Data



Pelan Strategik Transformasi Perkhidmatan Makmal Kesihatan Awam 2018-2022 Ke arah Penyampaian Perkhidmatan Makmal Yang Berdaya Saing Dan Cemerlang

Segala usaha telah diambil dalam penyusunan buku ini. Maklumat disediakan menggunakan sumber-sumber yang dipercayai oleh penulis sebagai sumber yang boleh dipercayai dan tepat. Walau bagaimanapun, Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan penulis tidak memberikan jaminan atau mengambil apa-apa liabiliti atau tanggungjawab undang-undang atas ketepatan atau kesempurnaan mana-mana maklumat yang dinyatakan di dalam penerbitan ini. Selain itu, MKAK dan penulis tidak bertanggungjawab ke atas kesimpulan yang dibuat oleh pembaca.

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian dalam penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam, atau dimasukkan ke dalam sistem carian, atau dihantar dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara elektronik atau mekanikal tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan oleh:

Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan
Lot 1853, Kampung Melayu
47000 Sungai Buloh, Selangor.
Nombor Telefon: +603-61261200
Nombor Faks: +603-61571036 / 03-61402249
Laman Sesawang: <https://mkak.moh.gov.my/>

PENAFIAN

Butiran, pandangan, tafsiran, implikasi, kesimpulan, dan cadangan yang dinyatakan dalam buku ini adalah pendapat penulis dan penyumbang sahaja dan tidak semestinya mewakili pandangan atau dasar Kementerian Kesihatan Malaysia.

RINGKASAN EKSEKUTIF

- Pelan Strategik Transformasi Perkhidmatan Makmal Kesihatan Awam 2018-2022 dibangunkan bertujuan untuk memastikan perancangan perkembangan serta perluasan skop perkhidmatan Makmal Kesihatan Awam dapat dilaksanakan selari dengan halatuju negara ke arah negara maju.
- Pengukuhan perkhidmatan teras Makmal Kesihatan Awam sedia ada dengan skop perkhidmatan yang lebih luas meliputi analitikal – diagnostik bagi penyiasatan wabak, surveilan penyakit, keselamatan dan kebersihan makanan (*food safety and sanitation*) , penyiasatan pencemaran persekitaran, ancaman *bioterrorism* termasuk bencana serta krisis yang mengancam kesihatan juga keselamatan awam akan di pertingkatkan bagi menyokong keperluan kesihatan awam negara.
- Peningkatan keupayaan perkhidmatan Makmal Kesihatan Awam melalui pelaksanaan pelan strategik ini amat kritikal bagi menyokong usaha negara amnya dan Kementerian Kesihatan Malaysia serta Program Kesihatan Awam khususnya sebagai persediaan kearah penubuhan Pusat Kawalan Penyakit Negara (*National Centre for Disease Control, Malaysia*)
- Penglibatan dan usahasama setiap aras perkhidmatan Makmal Kesihatan Awam serta penilaian pelaksanaan pelan strategik secara berkala menjadi asas kepada pelaksanaan pelan strategik yang dibangunkan ini.
- Rangkaian usahasama dengan pihak-pihak yang berkepentingan termasuk rakan strategik dan pelanggan utama perkhidmatan akan terus diperluaskan bagi meningkatkan status penyampaian dan kualiti perkhidmatan secara lebih menyeluruh dan berterusan.



ISI KANDUNGAN

BIL	TAJUK	MUKA SURAT
	Penghargaan	i
	Prakata Ketua Program Kesihatan Awam	ii
	Prakata Pengarah MKAK	iii
	Prakata Mantan Pengarah MKAK	iv
	Lembaga Editorial	v
	Senarai Abreviasi	vi
1.	PENGENALAN	1
	a) Latar Belakang Agensi	2
	b) Carta Organisasi	3
	c) Fungsi dan Peranan Agensi	6
	d) Mandat	10
	e) Punca Kuasa	
2.	SENARIO PERSEKITARAN	14
	a) Pemegang Taruh & Pelanggan	15
	b) Rakan Strategik	16
	c) Cabaran Utama	17
	d) Faktor Penentu Kejayaan	21
3.	HALA TUJU STRATEGIK	22
	a) Visi	23
	b) Misi	23
	c) Motto & Nilai –nilai Bersama	24
4.	STRATEGI TRANSFORMASI	25
	a) Teras Strategik	26
5.	IMPLEMENTASI KE ARAH KEJAYAAN	27
	a) Mekanisme Pelaksanaan	28
	b) Pemantauan & Penilaian	29
6	KESIMPULAN	30
7.	PELAN TINDAKAN	31
	a) Pelan Tindakan bagi Teras 1	32
	b) Pelan Tindakan bagi Teras 2	35
	c) Pelan Tindakan bagi Teras 3	49
8.	PENGHARGAAN	50

PENGHARGAAN

Sekalung Penghargaan Kepada
Semua Anggota Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan & Makmal Kesihatan Awam
Wilayah,
Kementerian Kesihatan Malaysia Atas Dedikasi Dan Kerjasama Yang Diberikan
Dalam Membangunkan

***PELAN STRATEGIK TRANSFORMASI PERKHIDMATAN MAKMAL
KESIHATAN AWAM 2018-2022***

Semuga Dengan Penerbitan Buku Ini Akan Dapat Memberikan Semangat Untuk
Terus Memberikan Yang Terbaik Bagi Memenuhi Keperluan Kesihatan Awam
Negara Umumnya Dan Ke Arah Penubuhan Pusat Kawalan Penyakit Negara
Khasnya.

**PRAKATA KETUA PROGRAM KESIHATAN AWAM
DATO' DR AZMAN HJ. ABU BAKAR**



Alhamdulillah dengan izin dan rahmat Allah S.W.T, Pelan Strategik Transformasi Perkhidmatan Makmal Kesihatan Awam (MKA) untuk tempoh 5 tahun mulai 2018 hingga 2022 dapat disiapkan dengan jayanya. Saya amat berterima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung menyumbang tenaga sehingga terhasilnya Pelan Strategik MKA ini.

Pelan strategik ini amat penting sebagai pemacu arah menyokong persediaan negara bagi menangani ancaman serta krisis kesihatan awam dalam penyiasatan dan pengurusan wabak, surveilan penyakit termasuk penyiasatan *bio agent of terrorism*. Usaha memperkukuhkan keupayaan teknikal bagi perkhidmatan Makmal Kesihatan Awam melalui pelaksanaan pelan strategik ini amat kritikal bagi memastikan objekif pembangunannya tercapai. Pelan strategik ini diharap dapat membimbing perancangan masa depan ke arah perkhidmatan Makmal Kesihatan Awam yang lebih mampan.

Oleh itu, saya amat berharap agar semua anggota Makmal Kesihatan Awam bersama-sama mengembeling tenaga kearah keutuhan dan kecemerlangan perkhidmatan Makmal Kesihatan Awam bagi keselamatan dan kesejahteraan negara.

Sekian, Terima Kasih.

Dato' Dr Azman Hj. Abu Bakar
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia
15 Mac 2018

PRAKATA PENGARAH MAKMAL KESIHATAN AWAM KEBANGSAAN Dr HANI MAT HUSSIN



Setinggi- tinggi kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Allah SWT di atas limpah rahmat Nya memberi saya kesempatan untuk menyampaikan sepatah dua kata di dalam Pelan Strategik Transformasi Perkhidmatan Makmal Kesihatan Awam yang pertama ini bagi tempoh lima (5) tahun dari 2018-2022. Sekalung tahniah dirakamkan kepada semua anggota Makmal Kesihatan Awam yang terlibat dalam membangunkan pelan strategik ini.

Pelan strategik ini diharapkan dapat membantu Makmal Kesihatan Awam mencapai sasaran dalam masa yang telah ditetapkan. Perlaksanaan aktiviti yang dirancang didalam pelan strategik ini diharapkan akan dapat dijalankan dengan cemerlang melalui perancangan yang jelas dan sistematik bagi menambak dan memperkukuhkan mutu serta kualiti perkhidmatan Makmal Kesihatan Awam.

Harapan saya, semoga semua anggota Makmal Kesihatan Awam, berkerjasama dengan bersungguh sungguh ke arah visi dan misi yang sama dan membantu antara satu sama lain ke arah cemerlangan.

Sekian, Terima Kasih.

Dr Hani Mat Hussin
Pengarah Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan
Kementerian Kesihatan Malaysia
1 Feb 2018

**PRAKATA MANTAN PENGARAH MAKMAL KESIHATAN AWAM KEBANGSAAN
Dr KHEBIR VERASAHIB**



Syabas saya ucapkan di atas kejayaan MKAK dalam membangunkan Pelan Strategik Transformasi Perkhidmatan Makmal Kesihatan Awam edisi pertama ini.

Perancangan perkembangan skop perkhidmatan yang diatur melalui pelan strategik ini diharapkan akan dapat mengoptimalkan keupayaan serta mutu penyampaian perkhidmatan Makmal Kesihatan Awam bagi memenuhi keperluan kesihatan awam negara dan serantau. Pengukuhan jalinan usahasama bersama rakan strategik MKA di harapkan berupaya untuk menangani ancaman dan krisis kesihatan awam secara lebih cekap dan praktikal.

Dengan ini, saya berharap agar usaha yang padu serta berterusan dari semua anggota MKA dapat dipupuk dan dikekalkan bagi memastikan matlamat serta objektif pelan strategik ini tercapai.

Sekian, Terima Kasih,

**Dr Khebir Verasahib
Timbalan Pengarah
Bahagian Kawalan Penyakit
Mantan Pengarah Makmal Kesihatan Awam
Kebangsaan
Kementerian Kesihatan Malaysia
1 Jan 2018**

EDITORIAL

Editorial

Penasihat:

Dr Hani Mat Hussin

Dr Khebir Verasahib

Penulisan Pelan Strategik:

Dr Esah Md Ali

Ketua Seksyen *Laboratory Improvement & Regulation*

Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan



EDITORIAL



Tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan penyediaan Pelan Strategik Transformasi Perkhidmatan Makmal Kesihatan Awam 2018-2022. Pelan strategik ini adalah hasil daripada usaha kolektif berlandaskan komitmen untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan Makmal Kesihatan Awam melalui pendekatan yang sistematik dan bersepadu.

Dokumen ini merangkumi visi, misi, objektif dan teras strategik, mekanisma pelaksanaan serta pemantauan yang akan diambil untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Pelan ini mencerminkan komitmen berterusan MKA/MKAK dalam menangani cabaran-cabaran isu kesihatan awam semasa dan mendatang. Perancangan yang digariskan di dalam pelan strategik ini adalah juga untuk menyokong halatuju MKA/MKAK ke arah pusat kecermerlangan bagi perkhidmatan Makmal Kesihatan Awam juga memenuhi keperluan penubuhan Pusat Kawalan Penyakit Negara.

Sehubungan ini, saya mewakili semua yang terlibat ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas sumbangan yang telah diberikan dalam penyediaan pelan strategik ini. Semuga pelan strategik ini dapat dijadikan panduan yang berguna dalam usaha kita untuk mempertingkatkan mutu dan kualiti penyampaian makmal kesihatan awam di Malaysia.



Dr Esah Md Ali
Ketua Seksyen *Laboratory Improvement & Regulation*
Bahagian Kualiti
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan

SENARAI ABREVIASI

BIL.	ABREVIASI	PENERANGAN
1	MKA	Makmal Kesihatan Awam
2	MKAK	Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan
3	BKP	Bahagian Kawalan Penyakit
4	PKA	Program Kesihatan Awam
5	KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia



PENGENALAN

LATAR BELAKANG AGENSI

- Makmal Kesihatan Awam (MKA) merupakan makmal yang ditubuhkan khas di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menyokong dan memenuhi keperluan pelaksanaan program Kesihatan Awam khusus bagi pencegahan, pengawalan dan pemantauan penyakit berjangkit (*emerging & re-emerging*) dan tidak berjangkit, penyiasatan wabak serta keselamatan makanan dan persekitaran.
- Ianya juga berperanan untuk mengukuhkan perkhidmatan Makmal sedia ada di bawah KKM dengan skop perkhidmatan yang lebih luas meliputi aspek analitikal – diagnostik bagi penyiasatan krisis kesihatan awam termasuk ancaman *bioterrorism*, pencemaran bahan kimia, bencana, saringan ujian penyakit kongenital dan lain-lain ancaman kesihatan dan keselamatan awam. Sebelum penubuhan MKA, perkhidmatan ini telah disokong oleh Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), Kuala Lumpur.
- Penubuhan MKA ini telah dicadangkan pada tahun 1966 oleh Pengarah IMR yang ke 16; Dr Ungku Omar Ahmad di dalam usaha untuk menyelaraskan semula IMR kepada program penyelidikan berperingkat tinggi (*high end research*). Berikutan pemergiannya pada tahun 1969, usaha ini telah diteruskan oleh mantan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Abu Bakar Suleiman bermula tahun 1992.
- Susulan daripada ini, perancangan penubuhan MKA telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Keenam (RMK 6) dengan 3 buah MKA siap dibina pada tahun 1999; MKA Sungai Buloh bagi Wilayah tengah (*Central Malaysia*) yang kemudiannya telah diberi mandat sebagai Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK), MKA Johor Bahru bagi Wilayah Selatan dan MKA Ipoh bagi Wilayah Utara Malaysia. Penubuhan MKAK telah dibiayai oleh Bank Dunia dengan peruntukan sebanyak RM 27.7 juta.
- MKAK telah dirasmikan pada 3 Julai 2003 oleh Dato' Dr. Chua Jui Meng, bekas Menteri Kesihatan, Malaysia. Skop perkhidmatan awal merangkumi analitikal – diagnostik bagi Pemantauan Keselamatan Makanan & Penguatkuasaan Undang-Undang, Biokimia (saringan kongenital *hypothyroidism*) dan Penyakit Tropika. Bagi memenuhi keperluan perkhidmatan, MKA Kota Kinabalu, Sabah (bagi Sabah & Sarawak) telah dibina pada tahun 2004 dan MKA Kota Baru, Kelantan (bagi kawasan Pantai Timur) telah dibina pada tahun 2011.
- MKAK telah diletakkan di bawah bidang kuasa Bahagian Kawalan Penyakit (BKP), Program Kesihatan Awam, Kementerian Kesihatan Malaysia untuk memastikan pelaksanaan aktiviti kawalan penyakit yang lebih bersepadu.


CARTA ORGANISASI

RAJAH 1: CARTA ORGANISASI PERINGKAT PROGRAM, KKM



Rajah 1: Carta Organisasi diperingkat jabatan dan hubungkait di peringkat negeri. Pembangunan teknikal kapasiti MKA Wilayah adalah di bawah tanggungjawab MKAK.

RAJAH 2: CARTA ORGANISASI MAKMAL KESIHATAN AWAM KEBANGSAAN



RAJAH 2: CARTA ORGANISASI MAKMAL KESIHATAN AWAM KEBANGSAAN

Rajah 2: menunjukkan carta organisasi Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan. Terdapat lima (5) sektor utama di MKAK yang terdiri dari Sektor Pengurusan, Sektor Penyakit, Sektor Makanan, Sektor Epidemiologi dan Sektor Kualiti.

RAJAH 3: RANGKAIAN MAKMAL KESIHATAN AWAM



Rajah 3: menunjukkan rangkaian MKA di Malaysia bagi menyokong keperluan perkhidmatan kesihatan awam, KKM. Kawasan liputan bagi setiap MKA ini adalah seperti berikut:

MAKMAL KESIHATAN AWAM	KAWASAN LIPUTAN
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan	Seluruh Malaysia termasuk Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, Negeri Sembilan, Pahang.
Makmal Kesihatan Awam Ipoh, Perak	Perak, Perlis, Kedah & Pulau Pinang
Makmal Kesihatan Awam Johor Bharu, Johor	Johor & Melaka
Makmal Kesihatan Awam Kota Bharu, Kelantan	Kelantan & Terengganu
Makmal Kesihatan Awam Kota Kinabalu, Sabah	Sabah & Sarawak

FUNGSI DAN PERANAN AGENSI (PERKHIDMATAN TERAS)

PERKHIDMATAN TERAS MAKMAL KESIHATAN AWAM

1. Disease Prevention, Control & Surveillance: *Provide accurate and timely laboratory results to identify disease causative agents and guide effective public health interventions:*

- *Prevention and control of communicable and non communicable diseases, genetic and chronic diseases, and environmental exposure. This may include testing for emerging and re-emerging microbial agents, immune status, antibiotic resistance, screening for inherited neonatal metabolic disorders, environmental toxins, and heavy metals.*
- *Population-based surveillance for conditions of public health importance and to guide policy decisions*
Early detection of congenital disorders in new-borns
- *Monitoring of low incidence and/or high-risk diseases, such as antibiotic-resistant tuberculosis, influenza, botulism and rabies*
- *Investigation and control of communicable or environmental diseases when testing is not available in the private sector/ other health laboratory*

2. Disease Outbreaks and Response: *Identification and characterisation of unusual disease occurrences to facilitate appropriate and timely response and the implementation of prevention and control measures*

3. Reference and Specialized Testing

Serve as centers of excellence using their expertise, reference and resources in the areas of biological, chemical and radiologic issues of public health importance to:

- *Support the diagnosis of and surveillance for unusual and emerging pathogens.*
- *Confirm atypical laboratory test results.*
- *Verify results of other laboratories' tests.*
- *Provide reference services to laboratories that may not have the capability to fully identify disease agents of public health importance.*
- *Provide diagnostic testing for diseases of public health importance directly to providers when testing is not readily available.*
- *Test for diseases of public health importance that are too rare and unusual for other laboratories to maintain capacity.*

4. Treatment and Monitoring: *Provide clinicians with accurate laboratory results for initiation of appropriate treatment and monitoring of treatment outcomes.*

PERKHIDMATAN TERAS MAKMAL KESIHATAN AWAM

5. ***Integrated Data Management*** - *Serve as the conduit for scientific data and information in support of public health programs through the:*
 - *Capturing of laboratory data essential for public health analysis and decision making, including detecting trends and sentinel events.*
 - *Use of standardized data formats.*
 - *Influencing public health policy.*
 - *Participation in statewide disease reporting networks.*
 - *Linkage with national and international surveillance databases.*
 - *Collaboration with state and national laboratory systems.*
 - *Continuous improvement of laboratory data systems.*

6. ***Environmental Health and Protection*** - *Collaborate with partners to coordinate and ensure scientific analysis of environmental and human samples to identify, quantify and monitor potential threats to health by:*
 - *Testing for toxic chemical, radiological and microbiological contaminants in air, water, soil and hazardous waste. Conducting bio monitoring of human specimens in the assessment of toxic chemical exposure.*
 - *Testing of environmental samples in support of federal and state regulations, aiding in the compliance with those regulations. Industrial hygiene/occupational health testing to assist in efforts to protect indoor air quality and worker health, such as routine analysis of asbestos, lead, pesticides and radon.*

7. ***Food Safety***
 - *Collaborate in the detection, monitoring and response to food safety issues by:*
 - *Testing samples from persons, food and beverages implicated in food-borne illness outbreaks to detect and identify potential food-borne pathogens.*
 - *Characterizing isolates and participating in national strain characterization databases*
 - *Analyzing food specimens to detect, identify and quantify toxic contaminants such as pesticide residues, heavy metals and volatile organic compounds.*
 - *Monitoring for radioactive contamination.*

8. ***Laboratory Improvement and Regulation*** - *Provide leadership for laboratory improvement in areas of public health importance by:*
 - *Promoting quality improvement programs for partner laboratories through activities such as training, consultation and proficiency testing.*
 - *Developing and overseeing statewide laboratory improvement programs to ensure the reliability of laboratory data used for environmental monitoring and communicable disease surveillance and control.*
 - *Promoting safe laboratory practice through education, training and consultation.*
 - *Guiding the creation of and supporting enforcement of regulations and laws that contribute to laboratory improvement.*

PERKHIDMATAN TERAS MAKMAL KESIHATAN AWAM

9. Policy Development - Play a role in the development of state and federal health policy by:

- *Generating scientific evidence that informs public health practice and law.*
- *Monitoring the impact of public health laboratory practice on health outcomes.*
- *Serving as centers of expertise, reference and resources in the areas of biological, chemical and radiologic issues of public health importance.*
- *Participating in the development and evaluation of standards related to the operation and performance of laboratories involved in public health testing.*
- *Advocating for the use of sound reasoning in the application of laboratory science and system infrastructure sustainment.*
- *Engaging in strategic planning at local, state and national levels.*

10. Public Health Preparedness and Response - Fulfill a key partnership role in local, state and national disaster preparedness and response by:

- *Functioning as Reference laboratory for biological and causative agent at a level designated by CDC.*
- *Assuring the triaging of environmental sampels for the rapid identification of threat agents (chemical, biological, radiological and nuclear); and food sampels.*
- *Planning for and ensuring that surge capacity is available during a public health emergency.*
- *Having a Continuity of Operations Plan in the event of a disruption of laboratory services.*

11. Quality Assurance: Develop coordination and promote quality assurance program for clinical and public health laboratories through training and proficiency testing.

12. Public Health Related Research - Engage in research to improve and expand the scientific and policy bases of public health laboratory practice and assure their optimal application in support of the public health system by:

- *Developing, evaluating and implementing new technologies and methodologies.*
- *Partnering with other public health disciplines.*
- *Collaborating with academic institutions to carry out clinical and translational science.*
- *Conducting public health systems and service research.*
- *Working with the private sector to foster scientific innovation.*

13. Training and Education - Facilitate access to training and education by:

- *Sponsoring training opportunities to improve scientific and technical skills within the public health laboratory system.*
- *Supporting management and leadership development opportunities.*
- *Participating in the training of both domestic and international scientists.*
- *Partnering with academia to provide experiential learning opportunities.*
- *Providing continuing education in the area of laboratory practice.*

PERKHIDMATAN TERAS MAKMAL KESIHATAN AWAM

14. Partnership and Communication

- *Support their respective state public health laboratory systems by:*
- *Highlighting the importance of laboratory contributions in support of public health.*
- *Maintaining a strong communication plan that links all system partners.*
- *Utilizing information technology for robust connectivity*
- *Engaging traditional and non-traditional partners.*

Rujukan: <https://www.aphl.org/aboutAPHL/publications/Documents/PHL-Core-Functions.pdf>

MANDAT DAN EKLUSIVITI

MAKMAL RUJUKAN YANG DIIKTIRAF OLEH PERTUBUHAN KESIHATAN SEDUNIA

(World Health Organisation –WHO)

WHO National Measles & Rubella Laboratory since 2004

WHO National Japanese Encephalitis Laboratory since 2012

MAKMAL RUJUKAN KEBANGSAAN

National Reference Laboratory for TB since 2003

National Laboratory for Congenital Hypothyroidism Screening Program since 2004

National Laboratory for Influenza since 2004

National Reference Laboratory for Mycotoxin Analysis since 2005

National Reference Laboratory for Chikungunya since 2008

Official Laboratory for Monitoring of Fishery Product for Export to European, United States of America & Russia since 2008

National Reference Laboratory for Dengue since 2009

Official Laboratory for Monitoring of Fishery Product for Export to Russia since 2010

PUSAT PEMBANGUNAN KAPASITI PERKHIDMATAN MAKMAL BAGI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Slit Skin Smear Microscopic Examination for Leprosy

TB Smear Microscopic

TB Blinded Rechecking

Culture AFB Training

Microscopic Examination of Malaria

Laboratory Biosafety & Biosecurity Training

Training Centre for Malaysia Technical Cooperation Program – Epidemiology Intelligent Program

PROGRAM SURVELAN BERASASKAN MAKMAL (LABORATORY BASED SURVEILLANCE PROGRAM) – MAKMAL PENYAKIT, MKAK

Surveillance for Congenital Hypothyroidism

Surveillance for Iodine Deficiency Disorder

Multidrug Resistant TB & Leprosy Surveillance

Laboratory Based Surveillance Measles Elimination Program

Laboratory Based Surveillance - Influenza Like Illness (ILI)

Surveillance for bio- monitoring serum cholinesterase among workers who are exposed to Pesticides

Surveillance for Detection of heavy metals - lead, cadmium, mercury, chromium among high-risk worker

Laboratory Based Surveillance - Hand, Foot and Mouth Disease (HFMD)

Chikungunya Virus Surveillance

Surveillance for Bordetella Pertussis

Leptospira Surveillance for National Services Training Centre

Serum Cholinesterase – Surveillance Kesihatan Anggota Vektor KKM

Japanese Encephalitis National Surveillance

Dengue Virus Serotype Surveillance

Flavivirus Surveillance Program

Antimicrobial Resistance (AMR) Surveillance in Community

MANDAT DAN EKLUSIVITI

PROGRAM SURVELAN BERASASKAN MAKMAL (LABORATORY BASED SURVEILLANCE PROGRAM) – MAKMAL MAKANAN, MKAK

Monitoring Programme of Captured Fish And Fishery Products for Exports to European Countries (EU)

Monitoring Programme of Shrimp for Export to the USA

Surveillance on Phtalate (DEHP) Content in Imported Food Produced from Korea and Hong Kong

Surveillance on Total Arsenic and Inorganic Arsenic Content in Local and Imported Rice

Surveillance on Determination of Colours in Soft Drink in Local Market

Surveillance on Heavy Metals and Microbiological Contamination in Seaweed Produced in Sabah

Surveillance on Contamination of Salmonella Enteritidis in Chicken Eggs from Local Market

Monitoring Programme of Captured Fish And Fishery Products for Exports to Russia

Surveillance on Contamination of Brucella spp In Fresh Goat Milk at the Point of Sales

Monitoring of Presence of Antimicrobial Resistant Microorganisms in Fresh Fish And Meat from the local market

Surveillance on Determination of Colours in Soft Drink and Confectionery in Local Market

Monitoring Programme of Frozen Durian for Export to China

Surveillance Study on Screening and Tracing of LMO and their Products in Human Food Sampels from Various Local Convenient Stores

Monitoring Programme of Food Products Export to Singapore – Minimally Processed Products and Enhanced Regulated Source Programme (ERSF)

Surveillance on Plumbum and Cadmium in Powdered Goat Milk from Local Market

Surveillance on Contamination of Brucella spp in Fresh Goat Milk and Cow Milk at the Point of Sales

Surveillance on Preservatives Contents in Various Types of Cheese from Local Market

Surveillance on Contamination of Carbamate Residue in Vegetable from Local Market

Surveillance of Coloring Substance Sudan V in Cooking Palm Oil from Local Market

PROGRAM PENGUATKUASAAN

Akta Makanan 1983 & peraturan – peraturan di bawahnya :

Domestic Compliance Program

National Tobacco Control Program

MANDAT DAN EKLSIVITI

PENSIJILAN & AKREDITASI

- WHO National Measles & Rubella Laboratory bermula tahun 2004
- WHO National Japanese Encephalitis Laboratory bermula tahun 2012



- ISO/IEC 17025 bermula tahun 2003
- MS ISO 9001 bermula tahun 2006
- ISP 15189 bermula tahun 2014



PUNCA KUASA

Akta Kawalan & Pencegahan Penyakit Berjangkit 1988

Akta Patologi 2007

Akta Makanan 1983

Destruction of Disease –Bearing Insects Act 1975

Akta Fee 1951

Akta Tisu Manusia 1974

Akta Racun 1952

Atomic Energy Licensing Act 1984

Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia

Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia

Pekeliling Am Jabatan Perdana Menteri (JPM)

Pekeliling Perkhidmatan

Garis Panduan Umum, Kementerian Kesihatan Malaysia

Polisi Kebangsaan Point of Care Testing (POCT) 2012

Polisi Kebangsaan Biosafety & Biosecurity 2014

Arahan Perbendaharaan

Policy Infection Control

SENARIO PERSEKITARAN

PEMEGANG TARUH & PELANGGAN

PEMEGANG TARUH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
Program Kesihatan Awam ,KKM
Bahagian Kawalan Penyakit (BKP), KKM

PELANGGAN

Warganegara Malaysia
Warganegara Asing yang Menetap Di Malaysia
Pelancong/ Pelawat Asing
Sektor/Agensi Awam & Swasta di Malaysia
Agensi Kesihatan Dalam & Luar Negara

RAKAN STRATEGIK

RAKAN STRATEGIK

LUAR NEGARA

*World Health Organisation
Centre for Disease Control & Prevention,
(CDC) Atlanta
ASEAN Plus 3 Laboratory Partnership
Global Health Security Agenda, USA
Canada – Global Partnership Program
UNITEDengue
ASEAN member states
Japan International Cooperation Agency
(JICA)*

DALAM NEGARA

Jawatankuasa Pemandu Makmal
Kebangsaan
Jawatankuasa Teknikal Makmal
Kebangsaan
Kementerian Pertahanan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
Kementerian Kewangan, Malaysia
Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani,
Malaysia
Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar
Kementerian Pelancongan & Kebudayaan
Institut Penyelidikan Perubatan
Institut Perubatan Forensik Negara
Institut Respiratory Malaysia
Institut Penyelidikan Veterinar
Jabatan Kimia Malaysia
Pusat Darah Negara
Pusat Antidadah Malaysia
Pusat Racun Negara
Nuclear Malaysia
Makmal Universiti / Pusat Pengajian Tinggi
Awam & Swasta
Biro Perkhidmatan Farmaseutikal
Kebangsaan
Bahagian Kualiti & Keselamatan Makanan
Bahagian Pembangunan Kesihatan
Keluarga
Bahagian Pemakanan, KKM
Bahagian Pendidikan Kesihatan, KKM
Makmal Fasiliti Kesihatan : Hospital & Klinik
(Awam & Swasta)
Jabatan Kesihatan Negeri
*Malaysia Technical Cooperation
Agensi/Program*

CABARAN UTAMA

Bagi mencapai status Pusat Kecemerlangan Serantau, MKA mesti mempunyai kapasiti dan kapabiliti yang berdaya saing dan mampan. Parameter penting seperti keperluan kewujudan polisi / dasar negara tentang kepentingan perkhidmatan MKA, aminiti dan fasiliti yang selamat serta mematuhi piawaian antarabangsa, kemahiran teknikal yang tinggi dan mencukupi serta peluang yang luas untuk meningkatkan potensi anggota kerja adalah amat kritikal bagi memastikan pembangunan dan pengukuhan perkhidmatan MKA dapat di capai dalam tempoh yang di sasarkan.

Cabaran utama yang telah dikenalpasti adalah:

PENYEDIAAN KEPERLUAN *SURGE CAPACITY* SEBAGAI PERSEDIAAN MENGHADAPI KRISIS KESIHATAN AWAM TERMASUK ANCAMAN WABAK PENYAKIT DAN LAIN-LAIN

Kompleksiti pengurusan ancaman kesihatan awam (*Public Health Threats*) memerlukan sokongan serta usahasama yang berterusan dari semua pihak yang berkepentingan kearah negara yang lebih selamat dan sihat. Corak kejadian wabak, krisis, *kecemasan* dan bencana yang agak sukar untuk di ramal (*unpredictability*) dan di pengaruhi oleh pelbagai faktor yang memerlukan negara sentiasa bersedia dalam segala aspek. Ini termasuk keperluan untuk mengekalkan kapasiti teknikal bagi menjalankan ujian- ujian makmal kritikal seperti ujian Nipah Virus bagi pengesanan wabak Nipah serta ujian bagi pengenalpastian ancaman atau serangan *anthrax* perlu dikekalkan walaupun tiada kes semasa sedemikian yang dilaporkan.

Bekalan makmal yang mencukupi termasuk reagen untuk wabak yang tidak dijangka, krisis, kecemasan dan bencana adalah amat penting. Ekpektasi pelanggan, pihak yang berkepentingan juga rakan strategik terhadap '*adequate capacity*' yang perlu sentiasa tersedia di makmal kesihatan awam juga merupakan satu cabaran. Sehubungan dengan ini, satu platform yang menghubungkan agensi yang terlibat dalam penyampaian perkhidmatan makmal perlu diwujudkan bagi memastikan sumber semasa negara dapat dimaksimakan penggunaan terutamanya dalam keadaan kecemasan, pandemik dan krisis Kesihatan awam.

PENYEDIAAN KEMAMPATAN KEWANGAN DAN PENGURUSAN SUMBER YANG LEBIH BAIK

Secara umumnya, perkhidmatan makmal adalah diklasifikasikan sebagai perkhidmatan sokongan. Di bawah pentadbiran semasa, peruntukan kewangan; operasi termasuk keperluan sumber manusia MKA Wilayah adalah di bawah tadbir urus Jabatan Kesihatan Negeri masing-masing. Walaubagaimanapun, aspek pembangunan kapasiti teknikal MKA Wilayah adalah di bawah seliaan dan tanggungjawab MKAK. Situasi ini secara tidak langsung menghadkan

CABARAN UTAMA

keupayaan MKAK untuk menyelaras pembangunan kapasiti MKA Wilayah secara lebih menyeluruh. Sumber manusia di antara rangkaian MKA akan dapat dimaksimakan penggunaannya sekiranya MKA Wilayah diletakkan secara langsung di bawah seliaan MKAK. Sehubungan dengan ini, perancangan pengurusan sumber (*monetary and non monetary*) termasuk pengukuhan tadbir urus rangkaian MKA perlu ditambahbaik bagi memastikan keseluruhan penyampaian perkhidmatan MKA dapat dipertingkatkan dengan lebih baik dan menyeluruh.

PENGUKUHAN PERKHIDMATAN MAKMAL KESIHATAN AWAM

Perubahan corak penyakit; peningkatan trend penyakit berjangkit (*emerging & re-emerging*), perubahan gaya hidup, urbanisasi, perubahan corak demographi dengan peningkatan warga tua; memerlukan negara mempunyai keupayaan untuk menguruskan cabaran-cabaran ini dengan lebih cekap dan berkesan. Terdapat keperluan mendesak untuk meningkatkan kapasiti dalam perkhidmatan *high end diagnostic testing* termasuk perincian dan identifikasi agen penyebab penyakit.

Mengambil wabak Nipah dalam 1998/1999 sebagai contoh; Malaysia mengambil masa lebih enam bulan untuk mengawal wabak dengan berkesan disebabkan kekurangan kapasiti untuk melakukan ujian pengenalpastian agen penyebab penyakit tersebut. Ini telah menyebabkan negara menanggung kerugian yang amat besar dimana sebanyak US 1.1 juta telah dibelanjakan untuk pampasan bagi pemusnahan babi, US 97 juta telah dibelanjakan untuk program kawalan wabak, US 136 juta kerugian daripada kehilangan hasil cukai, US 120 juta kerugian daripada penurunan dalam penggunaan daging babi dan US 124 juta kerugian dalam perdagangan eksport babi ke Singapura dan Hong Kong. Negara juga telah kehilangan Hak Intelek (*Intellectual Property Right*) ke atas virus Nipah.

PENGUKUHAN KUALITI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN MAKMAL KESIHATAN AWAM

Perkhidmatan yang berkualiti merupakan teras bagi menghasilkan keputusan makmal yang tepat dan *reliable*. Penglibatan dalam aktiviti/ program kepastian kualiti dalaman (*Internal Quality Control*) dan luaran (*External Quality Control*) adalah penting bagi meningkatkan kepercayaan, *reliability* data atau keputusan ujian yang dikeluarkan dan sebagai sebahagian daripada langkah - langkah penambahbaikan perkhidmatan makmal secara berterusan. Ketidakteraturan dalam status akreditasi dan pensijilan rangkaian MKA mempengaruhi kualiti pengurusan sampel ujian, analisa ujian seterusnya hasil keputusan ujian yang dijalankan.

CABARAN UTAMA

PENGUKUHAN SISTEM PENGURUSAN DATA MAKMAL KESIHATAN AWAM

Sistem pengurusan data yang efisien dan *robust* amat penting bagi pengurusan data MKA. Sistem pengurusan data yang tidak bersepadu diantara rangkaian makmal kesihatan awam di bawah sistem semasa menyukarkan perkongsian data untuk dilakukan dengan lebih cepat, tepat dan efektif. Kelewatan perkongsian keputusan makmal masih lagi berlaku disebabkan oleh proses kerja yang tidak *fully automated*. Selain daripada itu, *audit trails* tidak dapat dilakukan bagi memastikan integriti data termasuk keputusan makmal serta pemantauan kualiti proses kerja pengujian dapat disahkan atau di pantau dengan berkesan.

Oleh itu, satu sistem yang berintegrasi di antara makmal-makmal kesihatan awam dengan capaian atau akses yang baik perlu diwujudkan. Mengambil kira data-data kritikal yang dikeluarkan oleh MKA akan digunakan bagi formulasi dasar kerajaan berkaitan kepentingan kesihatan awam khususnya bagi pengurusan wabak/ pandemik termasuk ancaman juga krisis kesihatan awam, elemen keselamatan data juga perlu diperkukuhkan.

PENGUKUHAN PENGURUSAN SAMPEL UJIAN/ SPECIMEN MAKMAL KESIHATAN AWAM

Sistem pengurusan sampel yang lebih efisien amat penting bagi pengurusan sampel ujian yang di rujuk ke rangkaian MKA. Pengurusan sampel yang lebih bersistematik dan efektif amat kritikal bagi menguruskan sampel pandemik/ krisis kesihatan awam berskala besar. Proses ini amat penting untuk mengelak sampel rosak, kualiti sampel terjejas seterusnya kelewatan dalam pengeluaran keputusan pengujian makmal.

PENGUKUHAN LABORATORY RISK MANAGEMENT

Aspek pengurusan *Biosafety* dan *Biosecurity* termasuk lain-lain *laboratory hazard* yang telah dikenalpasti mesti diperkukuhkan. Usaha ini perlu diteruskan di rangkaian makmal- makmal kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia juga Kementerian/agensi lain yang berkaitan.

Persefahaman dan persetujuan bagi gunasama fasiliti kritikal terutamanya *high containment laboratory* di antara institusi/ organisasi terlibat perlu di wujudkan dan di materikan dengan jelas. Ini amat penting terutama dalam situasi pandemik, kecemasan, krisis atau bencana melibatkan *unknown/ high impact pathogen* yang memerlukan pengenalpastian agen penyebab / *causative agent* dilakukan dengan cepat dan dalam fasiliti yang selamat. Usaha ini juga akan dapat akan memaksimumkan penggunaan sumber sedia ada dan memberi penjimatan jangka panjang kepada negara. Aspek perancangan pembangunan makmal yang

CABARAN UTAMA

lebih dinamik dan *resilient* serta mematuhi keperluan *biosafety* dan *biosecurity* perlu di serapkan kedalam rekabentuk bangunan makmal serta fasiliti kesihatan yang berkenaan.

FASILITI – HIGH CONTAINMENT LABORATORY DI MALAYSIA

KEMENTERIAN	
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA	Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan
	Pusat Penyelidikan Perubatan
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI	Universiti Putra Malaysia
	Universiti Malaya
	Universiti Malaysia Sabah
KEMENTERIAN PERTAHANAN	Institut Sains & Teknologi Penyelidikan Pertahanan (STRIDE)
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI	Institut Penyelidikan Veterinar (VRI)

Jadual di atas menunjukkan Kementerian dan agensi di Malaysia yang dilengkapi dengan *High Containment Laboratory* yang boleh dimaksimakan kegunaannya semasa wabak / pandemik.

PENUBUHAN BIOBANK/ BIOREPOSITORY CENTRE BAGI PATOGEN BERKEPENTINGAN

Isolate yang berharga dan terpilih yang dikumpul melalui penyiasatan wabak serta program *surveillance* penyakit perlu di maksimakan kegunaannya dan diuruskan dengan lebih baik. Selain daripada digunakan sebagai *positive control*, *isolate* ini juga berpotensi untuk diperluaskan kegunaannya dalam bidang pembangunan Kit Ujian Pantas dan pengeluaran vaksin. Penubuhan *Bio-Bank* atau *Bio-Repository Centre* di Makmal Kesihatan Awam bagi kegunaan negara amat praktikal dan menguntungkan negara dalam jangkamasa panjang. Usaha ini juga akan menyokong aktiviti penyelidikan bagi kepentingan perkembangan Kesihatan Awam serta bidang- bidang kritikal yang berkaitan.

FAKTOR PENENTU KEJAYAAN

Secara amnya empat komponen utama bagi faktor penentu kejayaan telah dikenalpasti untuk mencapai pelaksanaan dan *target* Pelan Strategik Perkhidmatan Makmal Kesihatan Awam.

KOMITMEN PENGURUSAN ATASAN

Pengurusan atasan bagi perkhidmatan Makmal Kesihatan Awam perlu memberikan perhatian yang serius serta menunjukkan komitmen yang tinggi bagi menjayakan perancangan dan pelaksanaan pelan strategik ini. Kesungguhan dan komitmen yang ditunjukkan oleh pengurusan atasan memberi petunjuk bahawa pencapaian matlamat perancangan strategik adalah penting dan ini perlu difahami oleh semua peringkat bahagian dan anggota Makmal Kesihatan Awam.

MODAL INSAN

